

## Kajian Kecelikan Perundangan Pegawai Penguatkuasaan Undang-Undang Alam Sekitar di Malaysia

Cheryl Stephen A/L Jeganathan (P72518), Muhammad Rizal bin Razman,  
Sharifah Zarina Syed Zakaria dan Shaharuddin Mohamad Ismail

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: zaberec@gmail.com

**Pernyataan Masalah:** Kelemahan penguatkuasaan telah menyebabkan kes pembakaran terbuka menjadi satu isu yang kritikal di Malaysia. Salah satu cabaran dalam penguatkuasaan perundangan adalah berkenaan pengetahuan (kecelikan perundangan) pegawai penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Walau bagaimanapun, kecelikan perundangan itu sendiri mempunyai definisi yang luas. Oleh itu, untuk menentukan kecelikan perundangan pegawai penguatkuasaan, ia perlu dinilai melalui pendekatan kepada kecelikan perundangan iaitu pendekatan kontinum dan kecelikan perundangan sebagai metafora. Kajian ini mengetengahkan permasalahan pokok samada kecelikan perundangan pegawai penguatkuasaan JAS dapat ditentukan oleh salah satu atau kombinasi pendekatan tersebut.

**Objektif:** Tujuan awal kajian ini adalah untuk mengenalpasti undang-undang alam sekitar berkenaan dengan pembakaran terbuka dan aturcara proses penguatkuasaan yang digunakan berkenaan pembakaran terbuka di Malaysia. **Metodologi:** Kaedah yang digunakan adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisa dokumen dan temubual dengan pihak berkepentingan. **Hasil:** Analisa dokumen menunjukkan bahawa undang-undang alam sekitar berkenaan pembakaran terbuka yang utama adalah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 2012) dengan sokongan perintah dan kaedah subsidiarinya iaitu Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Diisyiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2000 dan Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000.

Aturcara proses penguatkuasaan undang-undang alam sekitar pula melibatkan pelbagai tahap sebelum sesuatu kes dibawa ke mahkamah. Apabila terdapat kes pembakaran terbuka yang dikesan, pegawai serbuan JAS akan menjalankan penyiasatan keatas kes tersebut. Laporan siasatan akan disediakan dibimbing berdasarkan Aturan Tetap Operasi (SOP). Laporan siasatan tersebut seterusnya dikemukakan kepada penyelia pegawai serbuan untuk pertimbangan pengesyoran dan kelulusan samada kes ini akan dibawa ke mahkamah. Sekiranya penyelia pegawai serbuan meluluskan laporan siasatan tersebut untuk dibawa ke mahkamah, laporan tersebut akan dikemukakan kepada Pengawai Penyiasat sebagai kertas siasatan. Pengawai Penyiasat (jika perlu) akan mengadakan perundingan Penasihat Undang-undang sebelum mengemukakan kertas siasatan tersebut kepada Ketua Unit Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara. Pendaftaran tersebut kes akan dilakukan di Unit Pendakwaan Negeri. Pengawai Pendakwaan daripada Unit Pendakwaan Negeri akan membawa kes tersebut ke mahkamah.

**Kesimpulan:** Daripada kajian awal ini, undang-undang alam sekitar terhadap pembakaran terbuka telah dikenalpasti dan aturcara proses penguatkuasaan yang dibincang telah membawa kepada pengenalan struktur responden dan penyediaan set soalan temubual. Langkah seterusnya adalah untuk menjalankan temubual dengan pegawai penguatkuasaan menggunakan pendekatan kecelikan perundangan.